

Pembangkang dibidas burukkan negara kepada media asing

UM 29 MAR 2001

KUALA LUMPUR 28 Mac — Perdana Menteri membidas parti pembangkang yang sanggup memburukkan negara termasuk melabelkan sebagai “negara polis” kepada media asing.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan, negara ini dilaporkan oleh media asing sebagai diperintah oleh polis apabila pihak berkuasa bertindak mematahkan demonstrasi jalanan anjuran parti pembangkang.

Beliau menegaskan, gambaran buruk itu diberikan oleh parti pembangkang yang menentang usaha-usaha menjaga keamanan termasuk menyerang pihak polis.

“Apabila mereka menyerang polis, polis tidak dapat berbuat apa-apa kerana mereka tahu ada media asing seperti CNN yang akan cuba menunjukkan betapa jahatnya polis.

“Polis ditunjukkan kononnya memukul orang berdemontrasi secara aman. Orang asing ini tunjukkan gambar ini di seluruh dunia. Malaysia tidak stabil dan diperintah oleh polis,” tegasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada pelancaran majlis Pemimpin Bersama Rakyat peringkat kebangsaan di bawah program Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca (K3P) di Kampung Sungai Mulia, Gombak di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, tindakan parti pembangkang dan media asing itu bertujuan menghalang para pelabur luar untuk membuat pelaburan negara ini.

Tindakan tersebut, jelas Perdana Menteri, akan menyebabkan ekonomi negara lumpuh dan rakyat akan menderita akibat daripada kelemahan ekonomi.

“Mereka begitu seronok apabila negara mereka dipamerkan dengan amat buruk keadaannya. Apakah ini orang yang cinta kepada negara,” tegasnya.

Tindakan parti pembangkang itu, jelasnya, kerana kecewa terhadap keputusan pilihan raya umum 1999 yang tidak menihak kepada mereka.

Parti-parti pembangkang tersebut, tegasnya, mahu menjatuhkan kerajaan melalui rusuhan di jalanan.